

Jenis Akhbar : KL Screener
Tarikh : 05/11/2022
Edisi / Muka surat : <https://www.klscreener.com/>
Tajuk : Fokus produk penjagaan diri

Fokus produk penjagaan diri

HarianMetro Sat, Nov 05, 2022 07:15am - 2 days [View Original](#)



SEHINGGA kini, terdapat enam premis Coop Farmasi yang sudah diwujudkan di mana empat premis berkenaan sudah dimiliki oleh Angkasa.

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memperluas jaringan perniagaan penjagaan diri dan kesihatan di bawah jenama Coop Farmasi dengan memeterai perjanjian bersama Koperasi Pelaburan Bank Muamalat Malaysia Berhad (Koputra).

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, dalam melengkapkan keperluan masyarakat setempat, pihaknya mempunyai model *Coop Wellness* yang memfokuskan produk penjagaan diri dan kesihatan.

Menurut Dr Abdul Fattah, Angkasa menyasarkan sebanyak 200 premis Coop Farmasi akan dibuka menjelang 2025.

"Angkasa mengambil langkah untuk menceburkan diri dalam sektor ini kerana melihat kesesuaiannya dengan ekosistem koperasi di Malaysia melalui pemeraksanaan perniagaan farmasi di bawah rangkaian Coop Farmasi.

"Sehingga kini, terdapat enam premis Coop Farmasi yang sudah diwujudkan di mana empat premis dimiliki oleh Angkasa dan dua lagi dimiliki oleh Koperasi Warga Pendidikan Terengganu Berhad (Koguru) dan satu lagi milik Koputra di Setia Alam, Selangor.

"Selain itu, dua lagi premis Coop Farmasi milik koperasi akan diwujudkan menjelang Disember 2022 iaitu milik Koperasi Felda Sungai Koyan 3 Raub Berhad dan Koperasi Majlis Perbandaran Dungun Berhad," katanya.

Di samping itu, Dr Abdul Fattah berkata, model perniagaan Coop Farmasi ini bukan hanya memfokuskan kepada kedai fizikal sahaja, tetapi kini di peringkat percubaan untuk mengadaptasi kemudahan digitalisasi kesihatan melalui sistem *doc2us* kepada 30 orang kakitangan Angkasa.

"Sistem ini membolehkan pesakit untuk berjumpa doktor atau pakar kesihatan melalui aplikasi *doc2us* di mana preskripsi ubat akan dihantar ke premis Coop Farmasi berdekatan secara dalam talian dan pesakit boleh memilih untuk mengambil ubat di Coop Farmasi atau dihantar ke rumah masing-masing.

"Penggunaan aplikasi ini dijangka boleh menjimatkan sehingga 40 peratus daripada kos mendapatkan rawatan di klinik biasa oleh kerana tiada kos konsultasi doktor," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Pengerusi Koputra, Zaharuddin Alias berkata, pihaknya amat berbangga dengan pembukaan Coop Farmasi pertama milik Koputra ini dan akan membuka lebih banyak cawangan pada tahun hadapan, jika model perniagaan ini memberikan impak.

"Kami juga sudi memberi tunjuk ajar kepada koperasi baharu yang berminat untuk mengikut jejak langkah sama.

"Sektor kesihatan dan penjagaan diri menerima permintaan tinggi ketika ini dan koperasi perlu merebut peluang yang ada, lebih-lebih lagi dengan sokongan padu daripada Angkasa," katanya.

Menurutnya, Koputra yang sudah berada dalam senarai 100 koperasi terbaik negara sejak 12 tahun lalu mempunyai visi untuk menduduki tempat 10 terbaik dalam masa beberapa tahun lagi dengan mempelbagaikan perniagaan di samping menceburkan diri dalam perniagaan berimpak tinggi.